

# PROSEDUR PENTERJEMAHAN ALAT SUSASTERA DALAM TEKS KESUSASTERAAN MELAYU KE DALAM BAHASA INGGERIS

*(Procedures in the Translation into English of Literary Devices in Malay  
Literary Works)*

*Haslina Haroon*  
haslina@usm.my

Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.

## **Abstrak**

Makalah ini meneliti prosedur yang digunakan dalam penterjemahan beberapa alat susastera dalam teks kesusasteraan Melayu ke dalam bahasa Inggeris yang sering dipengaruhi oleh bahasa dan budaya penulis. Berdasarkan analisis, terdapat beberapa alat susastera yang dikenal pasti, iaitu alusi, dialek, perbandingan, aliterasi, dan mainan kata. Kajian ini mendapati bahawa penterjemah mengaplikasikan beberapa prosedur seperti terjemahan literal, generalisasi, peminjaman, adaptasi, pengguguran dan penerangan untuk menangani penterjemahan alat susastera dalam karya yang diterjemah. Masalah yang diketengahkan dalam makalah ini diharap dapat menjadikan penterjemah lebih peka kepada salah satu cabaran dalam penterjemahan teks kesusasteraan Melayu dan dapat menggalakkan penterjemah untuk menerokai pelbagai pendekatan yang dapat mengurangkan “kehilangan” yang berlaku dalam proses penterjemahan.

Kata kunci: alat susastera, kesusasteraan Melayu, prosedur terjemahan, bahasa, budaya

## **Abstract**

*This paper aims to examine the procedures used in the translation of literary devices into English in Malay literary works which are often influenced by the language and culture of an author. Based on the analysis, the following literary*

*devices are identified, namely allusion, dialect, simile, alliteration, and wordplay. The findings show that translators employ procedures such as literal translation, generalisation, borrowing, adaptation, omission and description to translate the literary devices identified. It is hoped that the problems highlighted in this article can help heighten the translator's awareness of one of the challenges involved in the translation of Malay literary works and subsequently encourage the translator to explore various approaches which can help minimise loss of meaning in the process of translation.*

*Keywords: literary device, Malay literature, translation procedures, language, culture*

## **PENDAHULUAN**

Gaya dan cara penyampaian merupakan elemen yang lazimnya membezakan seseorang penulis dengan penulis-penulis lain. Dalam teks kesusasteraan, yang penting bukan sahaja elemen apa, iaitu perkara yang ingin disampaikan oleh penulis tetapi juga elemen bagaimana, iaitu cara penyampaian penulis. Dalam membincangkan isu terjemahan, Savory (1968:55) menekankan kepentingan gaya dalam penulisan, iaitu:

*Style is the essential characteristic of every piece of writing, the outcome of the writer's personality and his emotions at the moment, and no single paragraph can be put together without revealing in some degree the nature of its author.*

Savory turut menekankan kepentingan mengekalkan gaya penulis asal dalam terjemahan, dan beliau mencadangkan strategi penterjemahan literal sebagai satu cara untuk mengekalkan gaya tersebut dan mengekalkan kesetiaan kepada teks asal. Walau bagaimanapun, terjemahan yang terlalu literal juga tidak akan dapat menghasilkan semula kesan asal teks tersebut.

Elemen gaya dalam teks kesusasteraan turut diberikan penekanan oleh Boase-Beier (2000). Beliau mentakrifkan teks kesusasteraan sebagai “*a text in which the style is as important as, and indeed underlines and augments, the meaning*” (2000:1382). Berpandukan takrifan ini, Boase-Beier (2000) menyatakan bahawa penterjemahan teks kesusasteraan mestilah mengekalkan gaya penulis asal dalam teks terjemahan. Elemen gaya merupakan satu elemen yang harus diberikan perhatian dalam proses penterjemahan. Menurut beliau lagi:

*In literary texts...the equivalence to be achieved does not rely merely on strictly linguistic closeness. Connotation, aesthetic effect and many other stylistic variables must all be considered in rendering a text faithfully and must form part of any notion of equivalence in the teaching of literary translation.*

Gaya sebagai satu aspek yang menjadi ciri kepada seseorang penulis juga terserlah dalam kesusasteraan Melayu. Sebagai contoh, dalam novel yang bertajuk *Rentong*, Shahon Ahmad cenderung untuk menggunakan kata-kata yang dinamis, membentuk ungkapannya yang tersendiri untuk digunakan sebagai perbandingan, menggunakan dialek Kedah, dan menggunakan ayat yang ringkas (Yahya, 1972:21-26). Dalam novel *Tok Guru* pula, gaya Shahnong mengandungi elemen seperti elipsis, dialek dan kata-kata tanpa imbuhan (Rahman, 1993:144-45). Menurut Rahman (1993:vii), elemen gaya yang digunakan oleh seseorang penulis merupakan “cara berbahasa yang dipilih untuk tujuan menimbulkan kesan”. Dengan mengambil kira perkara ini, seorang penterjemah yang ingin menterjemah teks yang sarat dengan pelbagai unsur gaya, perlu sedar akan kepentingan dan tujuan gaya penulis, dan memikirkan cara terbaik untuk menghasilkan semula kesan yang terdapat dalam teks sumber dalam teks terjemahan.

Makalah ini akan memfokuskan salah satu aspek yang dapat menonjolkan gaya, iaitu alat susastera. Seterusnya, makalah ini akan meneliti prosedur yang digunakan dalam penterjemahan beberapa alat susastera dalam teks kesusasteraan Melayu ke dalam bahasa Inggeris.

## **TAKRIFAN ALAT SUSASTERA**

Alat susastera ditakrifkan oleh Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=susastera>) sebagai:

Teknik dan unsur pengkaryaan yang sengaja digunakan untuk mencapai kesan tertentu dalam semua karya sastera. Dalam penulisan fiksiyen, alat ini digunakan untuk membina watak, sudut pandangan, plot, latar, suasana dan lain-lain. Dalam penulisan puisi, antara alat susastera yang digunakan ialah rima, aliterasi, asonansi, intonasi, dan metafora. Dalam drama dan teater pula, alat yang digunakan ialah dialog, ruang, prop dan pentas.

Rahman (1993) pula membincangkan beberapa jenis alat susastera yang dapat membentuk gaya seorang penulis. Antaranya termasuklah metafora, personifikasi,

anafora, paralelisme, sinekdoki, metonimi, ironi, paradoks, asonansi, eufemisme dan litote.

Penggunaan alat susastera didapati berkait rapat dengan fungsi bahasa untuk mempengaruhi dan menarik perhatian pembaca. Menurut Hayakawa (1978:63-4), bahasa bukan sahaja berkaitan dengan fungsi bahasa untuk menyampaikan maklumat (*informative connotation*) tetapi juga berkaitan dengan penggunaan bahasa untuk mempengaruhi manusia (*affective connotation*). Oleh itu, bahasa yang digunakan untuk tujuan mempengaruhi manusia dirujuk sebagai bahasa afektif (*affective language*) yang melibatkan elemen seperti pengulangan, metafora, perbandingan, ironi, patos, humor dan alusi (Hayakawa, 1978:107-13). Berdasarkan huraian ini, dapat dikatakan bahawa alat susastera melibatkan penggunaan bahasa afektif. Huraian bahasa afektif oleh Hayakawa ini juga hampir sama dengan takrifan *literary device* yang diberikan oleh Gray (1992:85), iaitu apa-apa juga kaedah atau teknik sastera yang digunakan untuk membentuk teks yang dapat mempengaruhi respons pembaca.

## **PENTERJEMAHAN TEKS KESUSASTERAAN**

Penterjemahan teks kesusasteraan secara umumnya merujuk penterjemahan teks yang mempunyai nilai estetika yang tertentu, daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Walaupun hal ini kelihatan jelas, beberapa orang sarjana dalam bidang penterjemahan menegaskan bahawa penterjemahan teks kesusasteraan sebenarnya bukanlah suatu yang mudah untuk ditakrifkan.

Boase-Beier (2011:43) mengusulkan bahawa *literary translation* atau terjemahan kesusasteraan boleh membawa empat makna yang berbeza, iaitu:

1. *The act of translating a literary text.*
2. *The act of translating any text in a literary way.*
3. *The result of (1).*
4. *The result of (2).*

Yang pertama, jelas sekali merupakan proses yang melibatkan teks kesusasteraan yang ingin diterjemahkan ke dalam satu bahasa lain. Yang kedua juga melibatkan proses. Walau bagaimanapun, dalam konteks ini, teks yang diterjemahkan tidak semestinya teks kesusasteraan tetapi terjemahannya haruslah dilakukan dengan cara yang dapat menghasilkan teks yang mempunyai unsur sastera. Yang ketiga dan

keempat melibatkan hasil atau produk. Yang ketiga merupakan hasil daripada proses pertama, manakala yang keempat merupakan hasil daripada proses kedua. Walaupun Boase-Beier (2011) memberikan empat makna, beliau menegaskan bahawa satu teks kesusasteraan yang ingin diterjemahkan mesti memerlukan satu kaedah terjemahan yang mengambil kira unsur kesusasteraan dalam teks tersebut dan seterusnya menghasilkan satu teks yang juga mempunyai unsur kesusasteraan.

Pendapat yang dikemukakan oleh Toury (2012) agak sama dengan pendapat yang dikemukakan oleh Boase-Beier (2011). Toury mengatakan bahawa *literary translation* mungkin melibatkan dua perkara yang berbeza, iaitu (1) penterjemahan teks yang dilihat mempunyai unsur sastera dalam budaya sumber ke dalam satu bahasa sasaran; atau (2) penterjemahan apa-apa juga jenis teks dalam budaya sumber yang menyebabkan hasil terjemahan diterima sebagai teks kesusasteraan dalam budaya sasaran. Dengan kata lain, aktiviti yang pertama merupakan tindakan yang melibatkan sebuah teks kesusasteraan yang berasal daripada satu budaya sumber, yang dilakukan terjemahan ke atasnya, manakala aktiviti yang kedua pula melibatkan tindakan menterjemah apa-apa juga teks dengan tujuan untuk menghasilkan sebuah teks kesusasteraan dalam budaya sasaran. Toury (2012) juga menjelaskan bahawa yang penting dalam hal ini ialah orientasi terjemahan, sama ada kepada sumber atau sasaran. Oleh itu, dijelaskan bahawa apa-apa juga usaha untuk menterjemah teks yang mempunyai ciri kesusasteraan dalam mana-mana budaya sumber ke dalam persekitaran sasaran akan melibatkan penterjemahan yang berorientasikan sumber. Pada masa yang sama, usaha untuk menghasilkan teks yang dapat berfungsi sebagai teks kesusasteraan dalam budaya sasaran tentu sekali melibatkan penterjemahan yang berorientasikan sasaran. Jenis kedua yang berorientasikan sasaranlah yang merupakan *literary translation* yang sebenarnya menurut pandangan Toury (2012).

Kekaburan makna *literary translation* juga diketengahkan oleh Wittman (2013), yang mengatakan bahawa:

*Literary translation refers to the translation of an original text of cultural or aesthetic import, distinguishing it, for instance, from technical or commercial translation. Literary translation nonetheless is a porous category, as tricky to define as literature itself. It is perhaps best understood as the product of a translator who takes seriously the literary nature of the original and translated with the goal of producing a text that will have literary merit of its own...*

(Wittman, 2013:438)

Bahagian awal takrifan oleh Wittman ini kelihatan sama seperti takrifan pertama yang diberikan oleh Boase-Beier (2011) dan juga Toury (2012), iaitu melibatkan

satu teks dalam budaya sumber yang mempunyai ciri kesusasteraan yang ingin diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, dapat dilihat bahawa bahagian kedua takrifan oleh Wittman selari dengan pendapat Boase-Beier (2011) tentang maksud sebenar *literary translation*.

Dengan mengambil kira tujuan makalah ini, iaitu penelitian terhadap penterjemahan alat susastera terpilih, maka penterjemahan teks kesusasteraan merujuk penterjemahan beberapa unsur sastera yang terdapat dalam teks sumber, iaitu teks sastera Melayu ke dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Inggeris. Dengan kata lain, yang menjadi fokus dalam makalah ini ialah prosedur yang dapat digunakan untuk menterjemah alat susastera dalam teks sumber. Hal ini juga bermaksud bahawa makalah ini bukanlah bertujuan untuk meneliti dan menghuraikan strategi dan prosedur yang dapat digunakan untuk menghasilkan teks terjemahan yang mempunyai ciri kesusasteraan dalam bahasa sasaran, iaitu seperti takrifan *literary translation* oleh Toury (2012). Walau bagaimanapun, analisis seperti ini masih dirasakan berguna kerana dapat mengetengahkan cara penterjemah menangani elemen khusus, iaitu masalah penterjemahan alat susastera dalam teks kesusasteraan. Oleh sebab itu, beberapa alat susastera dan prosedur terjemahannya diberikan perhatian dalam makalah ini.

Bahagian awal makalah ini menekankan kepentingan untuk mengekalkan gaya penulis asal dalam terjemahan yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, Pedro (2000) menegaskan bahawa dalam melakukan penterjemahan teks kesusasteraan, kehilangan beberapa aspek teks asal tidak dapat dielakkan. Kehilangan ini sering dirujuk dalam bidang penterjemahan sebagai *translation loss*, perlu diterima sebagai sebahagian daripada proses penterjemahan, seperti yang dihuraikan oleh Pedro (2000:1413), iaitu:

*Given the complexity of the literary act, it would be pointless to aspire to a translation from which nothing that was present in the original is missing. Some translation losses have to be accepted as inevitable.*

Oleh itu, dalam meneliti prosedur yang digunakan dalam penterjemahan beberapa alat susastera dalam teks kesusasteraan Melayu ke dalam bahasa Inggeris, makalah ini juga akan membincangkan beberapa kehilangan yang mungkin berlaku.

## PROSEDUR PENTERJEMAHAN ALAT SUSASTERA TERPILIH

Makalah ini bersifat deskriptif, iaitu cuba untuk mengetengahkan keunikan penggunaan alat susastera dan cabaran menterjemahkan alat susastera dalam teks kesusasteraan Melayu. Seterusnya, makalah ini akan memaparkan dan meneliti prosedur yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah alat susastera tersebut. Oleh itu, analisis dan perbincangan akan berfokus pada penggunaan alat susastera tersebut, cara terjemahannya dan kesan penggunaan prosedur terjemahan tersebut.

Memandangkan terdapat kesukaran untuk mendapatkan sebuah teks yang mempunyai beberapa alat susastera, beberapa teks kesusasteraan Melayu dipilih. Teks ini dipilih kerana terdapat penggunaan alat susastera yang jelas oleh penulis yang terlibat. Teks yang dipilih adalah seperti yang berikut:

- 1) *Ranjau Sepanjang Jalan* (1983) oleh Shahnnon Ahmad dan terjemahannya *No Harvest but A Thorn* (1972) oleh Adibah Amin.
- 2) *Tunggul-tunggul Gerigis* (1989) oleh Shahnnon Ahmad dan terjemahannya *Stumps* (1993) oleh Adibah Amin.
- 3) *Salina* (1992) oleh A. Samad Said dan tiga terjemahannya, iaitu *Salina* (1975) oleh Harry Aveling, *Salina* (1991) oleh Hawa Abdullah, dan *Salina* (2013) oleh Lalita Sinha.

Alat susastera yang terkandung dalam teks sumber ini kemudiannya dikenal pasti dan dicari padanannya dalam teks terjemahan. Seterusnya, analisis terhadap penterjemahan alat susastera ini dilakukan dengan mengambil kira prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah serta kesan penggunaan prosedur tersebut.

Penelitian yang dilakukan terhadap teks sumber mendapati bahawa terdapat penggunaan alat susastera, iaitu (1) alusi, (2) dialek atau bahasa wilayah atau etnik, (3) perbandingan, (4) aliterasi, dan (5) mainan kata. Bahagian seterusnya akan memaparkan analisis yang dilakukan terhadap alat susastera ini dan terjemahannya. Dalam melakukan analisis dan menentukan makna perkataan, sumber dalam talian seperti Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (<http://prpm.dbp.gov.my>) dan kamus Cambridge (<http://dictionary.cambridge.org/dictionary/british>) dirujuk.

## 1. Alusi

Menurut Baldick (2001:7), alusi merupakan satu bentuk rujukan tidak langsung dan dapat ditakrifkan sebagai:

*An indirect or passing reference to some event, person, place, or artistic work, the nature and relevance of which is not explained by the writer but relies on the reader's familiarity with what is thus mentioned. The technique of allusion is an economical means of calling upon the history or the literary tradition that author and reader are assumed to share.*

Delahunty, Dignen dan Stock (2005:vii) pula menjelaskan tujuan di sebalik penggunaan gaya bahasa ini sebagai:

*When we make an allusion we mention the name of a real person, historical event, or literary character; not simply as a straightforward reference...but in order to conjure up some extra meaning, embodying some quality or characteristic for which the word has come to stand.*

Jelas daripada petikan ini bahawa alusi digunakan dalam teks kesusasteraan kerana alusi mendukung makna khusus yang tertentu. Makna khusus ini tentu sekali merupakan aspek penting dalam pengetahuan sepunya yang dikongsi oleh penulis dan pembacanya.

Menurut Harmon dan Holman (2000:14), apabila alusi digunakan, penulis sebenarnya cuba mencungkil atau merangsang ingatan atau pengetahuan pembaca supaya mereka dapat membuat perkaitan antara rujukan dengan perkara yang dirujuk. Alusi digunakan berasaskan andaian bahawa pembaca sedar akan kewujudan dan maknanya. Hal ini dinyatakan dengan jelas oleh Abrams dan Harpham (2012:12):

*Since allusions are not explicitly identified, they imply a fund of knowledge that is shared by an author and the audience for whom the writer writes. Most literary allusions are intended to be recognized by the generally educated readers of the author's time, but some are aimed at a special coterie.*

Pembaca yang mempunyai latar budaya yang sama dengan penulis mungkin tidak akan menghadapi masalah memahami hasil tulisan penulis tersebut. Walau bagaimanapun, jika teks yang mengandungi alusi diterjemahkan ke dalam persekitaran

yang berbeza daripada teks asal, alusi tersebut mungkin sukar untuk difahami oleh pembaca sasaran. Hal ini berlaku kerana pembaca sasaran mungkin tidak mempunyai pengetahuan latar yang sama dengan penulis asal. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penggunaan alusi yang berkesan bergantung pada kewujudan pengetahuan sepunya antara penulis dengan pembacanya, dan pada keupayaan pembaca untuk mengenal pasti dan memahami alusi yang digunakan.

Penggunaan alusi, secara khususnya alusi keagamaan, dapat dilihat dalam novel *Tunggul-tunggul Gerigis* karya Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad. Alusi keagamaan dan terjemahannya dalam *Stumps* dapat dilihat dalam petikan berikut:

### Contoh 1

#### *Teks Sumber*

Poseng akan dilipat-lipat bila trompet berbunyi. Akan bergulung-gulunglah timbal-menimbal meremukkan bukit-bukau dan balak-balak sepemeluk dua tiga pemeluk. (hlm. 6)

#### *Teks Terjemahan*

*Poseng will be folded over and over when the trumpet sounds. Will be all rolled up, one part against another, crushing hills and enormoustrees one to three armspans in girth. (hlm. 6)*

Dalam Contoh 1, penulis merujuk keadaan yang akan berlaku kepada Kampung Poseng apabila trompet dibunyikan. Bunyian trompet ini dapat difahami oleh pembaca yang beragama Islam sebagai tiupan sangkakala pada hari kiamat. Dalam novel ini, penulis juga menggambarkan bahawa tiupan sangkakala ini akan diikuti oleh kemusnahan seluruh dunia. Gambaran hari kiamat ini diterangkan oleh al-Quran dalam ayat berikut:

“Maka apabila sangkakala ditiup, maka itulah hari yang susah”.

(*Surah al-Muddaththir* 74:8-9)

“Sesungguhnya hari pemutusan hukum itu adalah satu masa yang ditentukan. Iaitu masa ditiupkan sangkakala, lalu kamu (bangkit hidup) serta datang berpuak-puak (ke Padang Mahsyar). Dan (pada masa itu) langit dipecahbelahkan sehingga tiap-tiap belahannya menjadi ibarat pintu yang terbuka luas. Dan gunung-ganang

diterbangkan ke angkasa lalu menjadilah ia bayangan semata-mata seperti riak sinaran panas di padang pasir”.

(*Surah al-Naba’* 78:17-20)

“Dan mereka bertanya kepadamu (Muhammad) tentang gunung-ganang, maka katakanlah, “Tuhanku akan menghancurkannya pada hari kiamat dengan sehancur-hancurnya, kemudian Dia akan menjadikan bekas gunung-ganang itu rata sama sekali”.

(*Surah Taha* 20: 105-06)

Penulis tidak menyatakan secara terang-terangan bahawa gambaran yang diberikan dalam novel tersebut ialah gambaran hari kiamat. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penulis yang menggunakan alusi sebenarnya membuat andaian bahawa pembaca sedar akan kewujudan alusi tersebut dan tahu tentang makna di sebaliknya. Dengan kata lain, penulis ingin merangsang pengetahuan pembaca supaya mereka dapat membuat perkaitan antara rujukan dengan perkara yang dirujuk. Dalam hal ini, pembaca yang beragama Islam yang tahu tentang gambaran hari kiamat seperti yang dinyatakan dalam al-Quran tentu akan memahami bahawa dalam ayat ini, penulis sebenarnya ingin memberikan gambaran tentang keadaan Kampung Poseng apabila tibanya hari kiamat. Penggunaan alusi keagamaan juga dapat dilihat dalam contoh berikut:

## **Contoh 2**

*Teks Sumber*

Dia akan menunggu kita di tepi sungai yang mengalir susu. (hlm. 3)

*Teks Terjemahan*

*He will be waiting for us by a river of milk*. (hlm. 3)

Dalam Contoh 2 pula, penulis menyatakan bahawa Bedul, cucu Su Usul yang telah meninggal dunia akibat dilanggar lori balak akan menunggu ahli keluarganya yang lain di sebatang sungai yang mengalir susu. Pembaca yang beragama Islam akan dapat memahami perkara ini dalam konteks hari akhirat, khususnya keadaan di syurga yang dikatakan mempunyai sungai yang airnya merupakan air susu.

Gambaran tentang keadaan di syurga ini diterangkan dalam al-Quran dalam ayat berikut:

“Perumpamaan taman syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa, di sana ada sungai-sungai yang airnya tidak payau, dan sungai-sungai air susu yang tidak berubah rasanya, dan sungai-sungai khamar (arak yang tidak memabukkan) yang lazat rasanya bagi sesiapa yang meminumnya, dan sungai-sungai madu yang murni”.

(*Surah Muhammad 47:15*)

Seperti juga Contoh 1, penulis tidak menyatakan dengan jelas bahawa gambaran dalam Contoh 2 ialah gambaran syurga. Penulis mengandaikan bahawa pengetahuan tentang gambaran di syurga dimiliki oleh pembacanya, dan pembaca seterusnya dapat memahami bahawa yang ingin disampaikan oleh penulis sebenarnya ialah gambaran Bedul yang berada di sebatang sungai di dalam syurga sambil menanti ahli keluarganya pada hari akhirat.

Dapat dilihat alusi keagamaan dalam Contoh 1 dan 2 diterjemahkan secara literal, iaitu dengan menggunakan prosedur terjemahan yang mengekalkan bentuk asal teks sumber. “Trompet berbunyi” diterjemahkan menjadi *the trumpet sounds*, dan “sungai yang mengalir susu” diterjemahkan menjadi *a river of milk*. Seperti juga penulis, penterjemah tidak memberikan huraian atau penerangan lanjut tentang maksud sebenar kedua-dua ungkapan. Pembaca teks terjemahan diandaikan dapat memahami bahawa gambaran tersebut merupakan gambaran yang disebut dalam al-Quran dan seterusnya dapat mengaitkan antara gambaran tersebut dengan perkara sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis asal. Pengekalan alat susastera berbentuk alusi dalam teks terjemahan tidak akan menimbulkan masalah kepada pembaca sasaran yang mempunyai maklumat sepunya tersebut. Walau bagaimanapun, ditegaskan bahawa “*allusions work as an affective device only when the hearer is familiar with the history, literature, people, or events alluded to*” (Hayakawa, 1978:112). Oleh itu, pembaca teks terjemahan yang tidak mempunyai pengetahuan tentang gambaran hari kiamat seperti yang terdapat dalam kitab al-Quran tentu sekali akan menghadapi kesukaran memahami alusi tersebut.

## 2. Dialek

Menurut Muhammad dan Rosli (1999:45), dialek ditakrifkan sebagai “*a form or variety of a spoken language peculiar to a region, community, social group, or occupational group. Dialects may vary from one another, or from the standard speech*

*in pronunciation, vocabulary, and grammar*". Terdapat banyak karya sastra yang mengandung unsur dialek, bahasa wilayah atau bahasa yang menggambarkan kaum etnik tertentu, iaitu sama ada digunakan oleh penulis dalam penceritaannya atau digunakan oleh penulis untuk membentuk ciri sesuatu watak dalam sesebuah novel. Shahnnon Ahmad, misalnya banyak menggunakan kosa kata yang berkaitan dengan dialek Melayu Kedah dan kehidupan di desa dalam novelnya (Muhammad, 1971; Yahya, 1971, 1972; Mohd. Ali, 1972; Mohd. Yusof, 1984).

Muhammad (1971:22) menyatakan bahawa dialek Melayu Kedah seperti yang digunakan oleh Shahnnon dalam novelnya *Rentong* bukan disebabkan Shahnnon berasal dari Kedah tetapi kerana beliau ingin menimbulkan "gambaran lokal" yang meliputi gambaran suasana, alam, peristiwa dan watak. Yahya (1972:16) pula berpendapat bahawa penggunaan dialek oleh Shahnnon berjaya mewujudkan suasana yang realistik dan autentik. Penggunaan dialek sebagai satu bentuk alat susastera dalam teks kesusasteraan Melayu dan cara penterjemah menangani isu ini dapat dilihat dalam contoh berikut, yang dipetik daripada novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris bertajuk *No Harvest but a Thorn*.

### Contoh 3

#### *Teks Sumber*

Kalau Ali Ketopi dan Long Kadim datang menyediakan bekas semai, Lahuma rasa boleh juga bergebang-gebang sepanjang kerja menetak dan menghenyak itu. (hlm. 26)

#### *Teks Terjemahan*

*If Ali Ketopi and Long Kadim came along to prepare their plots for sowing, there would be someone to chat with during the hacking and stamping.* (hlm. 27)

### Contoh 4

#### *Teks Sumber*

"Aku juga nak ke sana," tiba-tiba ujar Jeha bila selesai saja mereka menyeruk pagi. (hlm. 20)

*Teks Terjemahan*

*'I want to go too,' said Jeha as they finished their morning rice. (hlm. 27)*

Dalam Contoh 3, perkataan dialek Melayu Kedah “bergebang-gebang” digunakan untuk merujuk perbuatan “berbual”. Dari segi makna, penterjemahan perkataan “bergebang-gebang” kepada *chat* boleh dianggap tepat. Walau bagaimanapun, perkataan *chat* yang ditakrifkan sebagai “*to talk with someone in a friendly way*” tidak dapat menggambarkan unsur kedesaan yang ingin ditonjolkan oleh Shannon dalam novel asal melalui penggunaan perkataan dialek Melayu Kedah “bergebang-gebang”. Prosedur yang digunakan dalam contoh ini ialah generalisasi, iaitu pemindahan daripada satu makna khusus kepada makna yang lebih umum. Hal yang sama dapat dilihat dalam Contoh 4. Perkataan dialek Melayu Kedah “menyeruk pagi” yang membawa maksud “sarapan pagi” diterjemahkan kepada *morning rice*. Dari segi makna, terjemahan ini tepat kerana nasi biasanya dimakan sebagai sarapan bagi masyarakat di desa. Walau bagaimanapun, sama seperti perkataan *chat*, perkataan *morning rice* tidak menggambarkan unsur kedesaan yang terdapat dalam teks sumber. Jelas bahawa unsur dialek dalam teks asal serta unsur kedesaan yang didukung oleh dialek tersebut tidak dapat dikekalkan dalam teks terjemahan. Prosedur generalisasi yang digunakan hanya dapat menyampaikan makna teks asal secara umum sahaja. Dalam hal ini, terdapat sedikit kehilangan dari segi makna dalam teks terjemahan yang dihasilkan.

Dalam membincangkan sejauh manakah bahasa Inggeris variasi setempat dapat digunakan dalam penghasilan karya sastera dan juga dalam terjemahan, McRae dan Findlay (1998) berpendapat bahawa kadangkala penterjemah terpaksa melakukan adaptasi terhadap teks asal sebagai cara untuk memenuhi jangkauan pembaca sasaran. McRae dan Findlay (1998:35) merujuk secara khusus kepada novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dan terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris:

*The title literally translates as “Traps along the Way” and the language of the novel is strongly influenced by the local Kedah dialect. The recognized translation, by Adibah Amin, however, uses no dialect forms and even takes a Christian reference for its title: No Harvest but a Thorn. Where the original title suggests a path and destiny, in keeping with Islamic concepts, the translation superimposes Christian preconceptions and imagery on the simple tale of poverty and suffering. In the translation several words are retained in bahasa Melayu to keep ‘local colour’, but the language of the translation is standard educated English.*

Dalam hal ini, walaupun teks asal jelas menggunakan dialek Melayu Kedah, penterjemah tidak dapat mengekalkan unsur dialek dalam terjemahannya. Sebaliknya, penterjemah terpaksa melakukan adaptasi dengan menggunakan bahasa Inggeris standard dalam terjemahan *Ranjau Sepanjang Jalan* ke dalam bahasa Inggeris. Hal ini tentu sekali tidak dapat memberikan gambaran yang tepat kepada pembaca sasaran tentang novel ini yang berlatarbelakangkan kehidupan di desa. Walau bagaimanapun, penterjemah cuba mengekalkan beberapa perkataan bahasa Melayu dalam terjemahan tersebut sebagai cara untuk mencerminkan budaya Melayu dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* kepada pembaca teks terjemahan.

Hal yang sama juga dapat dilihat dalam karya Shahnnon Ahmad, iaitu *Tunggul-tunggul Gerigis*. Cara penterjemah menangani kata-kata dialek Melayu Kedah dalam novel ini dapat dilihat dalam contoh, yang dipetik daripada novel tersebut dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris yang bertajuk *Stumps*.

### **Contoh 5**

#### *Teks Sumber*

Aku pun akan pulang juga, lambat-bangatnya. Kau jangan susah hati. Juga medang ini. Ia juga sudah amat tua. Sudah amat renggeh. (hlm. 1)

#### *Teks Terjemahan*

*I will return too, sooner or later. Do not grieve. Also this medang tree. It has grown old. Has only a few leaves left.* (hlm. 1)

### **Contoh 6**

#### *Teks Sumber*

Selesai sahaja sembahyang jemaah pagi itu, kau akan digoyok seindah dan sebaik mungkin. (hlm. 2)

#### *Teks Terjemahan*

*The moment the congregational prayers are over that morning, you will be slaughtered with the utmost beauty and splendour.* (hlm. 3)

**Contoh 7***Teks Sumber*

Yang duduk bertinggung di tepi geduhuk, bawah-bawah pokok dan dekat-dekat kawah berdekah ketawa. (hlm. 21)

*Teks Terjemahan*

*Those squatting by the cooking-place, under the trees and near the cauldrons, burst out laughing. (hlm. 24)*

**Contoh 8***Teks Sumber*

Selesai sahaja sembahyang sunat raya, Goh akan terus dikerejung. (hlm. 24)

*Teks Terjemahan*

*The moment the Raya prayers are over, Goh will be tied up. (hlm. 27)*

Dalam contoh tersebut, terdapat penggunaan kosa kata dialek seperti “renggeh”, “goyok”, “geduhuk” dan “kerejung”, yang mempunyai makna seperti yang berikut:

renggeh	:	tinggal sedikit sahaja lagi
goyok	:	(goroh/goyok) sembelih
geduhuk		(gedehok) bangsal sementara yang didirikan untuk orang memasak dan menghidangkan makanan ketika mengadakan kenduri kahwin
kerejung	:	(kerjung) memberkas, mengikat, memegang supaya tidak dapat lari (bergerak dsb.)

(Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Kesemua contoh menunjukkan bahawa penterjemah mampu menyampaikan sebahagian makna yang didukung oleh dialek tersebut, iaitu dengan menterjemah “renggeh” menjadi *has only a few leaves left*, “goyok” menjadi *slaughter*, “geduhuk” menjadi *cooking-place* dan “kerejung” menjadi *tied up*. Walau bagaimanapun, padanan yang diberikan tidak mencerminkan unsur dialek yang terdapat dalam teks sumber.

Selain penggunaan dialek Melayu Kedah, novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dan terjemahannya *No Harvest but a Thorn* juga mengandungi kata-kata yang berunsur kedesaan seperti dalam contoh berikut:

### Contoh 9

#### *Teks Sumber*

Dan ketujuh-tujuh anak betina itu pun Lahuma dan Jeha cukup percaya bahawa mereka akan mempunyai pegangan yang sama. Mati hidup dan susah senang dipegang oleh Tuhan. Dipegang oleh Allah azzawajala. (hlm. 2)

#### *Teks Terjemahan*

*And Lahuma and Jeha were very certain that all these seven female children would cling to this same belief. Life and death, death and plenty, are in the hands of God. In the hands of Allah the Almighty.* (hlm. 2)

### Contoh 10

#### *Teks Sumber*

Lahuma tidak menghiraukan tugas bininya. (hlm. 2)

#### *Teks Terjemahan*

*Lahuma paid no attention to his wife's occupation.* (hlm. 2)

Dalam contoh tersebut, Shahnnon menggunakan ungkapan “anak betina” untuk merujuk “anak perempuan” dan perkataan “bini” untuk merujuk “isteri”. Walaupun perkataan tersebut secara zahirnya merupakan perkataan yang kurang halus dan kurang sopan bentuknya tetapi perkataan tersebut lazim digunakan oleh masyarakat

desa untuk merujuk “anak perempuan” dan “isteri”. Perkataan tersebut digunakan oleh Shahnnon untuk menggambarkan suasana kedesaan dalam novelnya. Walau bagaimanapun, prosedur generalisasi yang digunakan, iaitu dengan menggunakan perkataan *female children* sebagai padanan bagi “anak betina” dan perkataan *wife* bagi “bini” tidak mencerminkan latar belakang kedesaan yang ingin ditonjolkan oleh Shahnnon, walaupun padanan tersebut tepat dari segi makna zahirnya.

Selain penggunaan dialek dalam penceritaannya, terdapat juga penggunaan bahasa etnik oleh watak dalam sesebuah novel. Perkara ini mungkin digunakan oleh penulis untuk membentuk ciri sesuatu watak dalam novelnya. Hal ini dapat dilihat dengan jelas, misalnya dalam novel *Salina* dan tiga terjemahannya dalam bahasa Inggeris, iaitu oleh Harry Aveling (Teks Terjemahan 1), Hawa Abdullah (Teks Terjemahan 2) dan Lalita Sinha (Teks Terjemahan 3):

### Contoh 11

#### *Teks Sumber*

“Ayoyo, kadawelleh,” kata Kurupaya Samy lagi. Kepada Katijah segera diterangkannya, “Ini perempuan angkau jangan percaya, tau? Dia banyak gila; gila sama Fakar.” Tentang perkataan “banyak” itu dipanjang dan dikeraskannya. (hlm. 9)

#### *Teks Terjemahan 1*

“Ayoyo, kadawalleh,” Kurupaya Samy repeated. “Don’t trust this woman. She’s mad.” Then he explained: “Mad for Fakar.” (hlm. 11)

#### *Teks Terjemahan 2*

“Goodness gracious!” Kurupaya Samy exclaimed again. He quickly explained to Katijah: “Don’t you listen to this woman here, understand? She’s really crazy; she’s crazy about Fakar.” He emphasized and stressed the word ‘really’. (hlm. 13)

#### *Teks Terjemahan 3*

“Ayoyo,” said Kurupaya Samy again. He quickly explained to Katijah, “This woman you not be depending on, you know? Sheplenty crazy; she crazy for Fakar.”

*The word 'plenty' was drawn out and accentuated.* (hlm. 12)

Dalam contoh ini, pembaca teks sumber dapat mengandaikan bahawa watak bernama Kurupaya Samy ini berbangsa India berdasarkan namanya. Hakikat bahawa watak Kurupaya Samy ini berbangsa India ditekankan juga melalui tutur katanya, iaitu beliau menyebut ungkapan dalam bahasa Tamil yang menzahirkan rasa terkejut (“Ayoyo”) dan menyeru nama Tuhannya (“kadawelleh”) dan melalui bentuk bahasa bukan standard yang digunakannya, misalnya melalui penggunaan perkataan “angkau” dan bukan “engkau”.

Penterjemah pula memindahkan unsur etnik ini melalui cara yang berbeza. Dalam teks terjemahan yang pertama, penterjemah menggunakan prosedur peminjaman, iaitu mengekalkan dalam terjemahannya keseluruhan ungkapan dalam bahasa Tamil yang terdapat dalam teks sumber, tetapi dengan sedikit perubahan sebutan, iaitu perkataan “kadawelleh” dalam teks asal diubah menjadi “kadawalleh” dalam teks terjemahan. Hal ini dapat memberikan gambaran kepada pembaca sasaran tentang latar etnik watak bernama Kurupaya Samy. Walau bagaimanapun, dalam ayat yang seterusnya, watak ini kelihatan bertutur dengan menggunakan bahasa standard. Oleh itu, pembaca dapat membentuk gambaran tentang watak bernama Kurupaya Samy ini hanya melalui ungkapan bahasa Tamil yang digunakannya.

Dalam teks terjemahan yang kedua pula, ungkapan bahasa Tamil “Ayoyo, kadawelleh” digugurkan sepenuhnya dan digantikan dengan kata seruan dalam bahasa Inggeris, iaitu *Goodness gracious* yang sepadan dengan ungkapan bahasa Tamil dalam teks asal dari segi fungsinya, iaitu untuk menzahirkan rasa terkejut. Selain itu, watak Kurupaya Samy ini juga digambarkan oleh penterjemah yang kedua sebagai seorang yang bertutur bahasa standard.

Penterjemah yang ketiga pula meminjam ungkapan “Ayoyo” yang menzahirkan rasa terkejut watak bernama Kurupaya Samy. Walau bagaimanapun, rujukan kepada Tuhannya, iaitu perkataan “kadawalleh” digugurkan. Perkara yang menarik tentang teks terjemahan yang ketiga ialah usaha penterjemah untuk membentuk gambaran keseluruhan tentang watak Kurupaya Samy seperti yang terdapat dalam teks asal, iaitu bukan sahaja dari segi ungkapan bahasa Tamil yang digunakannya tetapi juga dari segi bentuk bahasa tidak standard yang digunakannya. Dapat dilihat daripada teks terjemahan ini bahawa watak Kurupaya Samy digambarkan oleh penterjemah sebagai seorang yang menggunakan bahasa yang tidak gramatis, iaitu: “*This woman you not be depending on, you know? She plenty crazy; she crazy for Fakar.*”

Dapat dirumuskan bahawa ketiga-tiga penterjemah menggunakan pendekatan yang berbeza untuk menggambarkan bentuk bahasa khusus yang digunakan oleh watak dalam novel yang dikaji. Dalam hal ini, terjemahan yang dihasilkan

oleh penterjemah ketiga yang menggunakan prosedur peminjaman dan adaptasi merupakan terjemahan yang paling hampir dari segi bentuk dan fungsinya dengan teks sumber, kerana bukan sahaja watak Kurupaya Samy menggunakan ungkapan dalam bahasa Tamil, malah beliau juga menggunakan bentuk bahasa yang tidak standard seperti yang dipaparkan dalam teks sumber. Dalam hal ini, terjemahan tersebut berjaya mengekalkan unsur dialek etnik serta unsur bahasa tidak standard seperti yang terdapat dalam teks sumber, jika dibandingkan dengan dua terjemahan yang terdahulu.

Newmark (1988:195) menggariskan cara untuk menangani unsur dialek yang digunakan oleh watak dalam sesebuah teks kesusasteraan:

*In my opinion there is no need to replace a coalminer's dialect in Zola with, say, a Welsh coalminer's dialect, and this would only be appropriate, if you yourself were completely at home in Welsh. As a translator, your main job is to decide on the functions of the dialect. Usually, this will be (a) to show a slang use of language; (b) to stress social class contrasts; and more rarely (c) to indicate local cultural features.*

Ditekankan juga bahawa “*the most important thing is to produce naturally slangy, possibly classless speech in moderation, hinting at the dialect, ‘processing’ only a small portion of the SL dialect words*” (Newmark, 1998:195). Ungkapan bahasa Tamil yang digunakan oleh watak bernama Kurupaya Samy serta bentuk bahasa tidak standard yang digunakannya berfungsi untuk menonjolkan ciri watak dan menjadikan watak tersebut lebih realistik. Penterjemah ketiga berjaya mengekalkan fungsi tersebut melalui peminjaman sebahagian ungkapan bahasa Tamil dalam terjemahannya dan melalui adaptasi atau penyesuaian bahasa supaya bahasa yang digunakan oleh watak dalam teks terjemahan mencerminkan bentuk bahasa bukan standard yang terdapat dalam teks sumber.

### **3. Perbandingan**

Perbandingan atau simile merujuk satu bentuk bahasa kiasan yang secara jelas menunjukkan persamaan antara dua perkara (Abrams dan Harpham, 2012:130; Baldick, 2001:237; Childs dan Fowler, 2006:218). Menurut Yahya (1972:21), salah satu perkara menarik dalam novel *Rentung* ialah keupayaan Shahnnon untuk membentuk ungkapan sendiri dalam melakukan perbandingan. Mohd. Ali (1972: 57) pula menjelaskan bahawa penggunaan perbandingan oleh Shahnnon dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* berjaya menimbulkan gambaran suasana yang jelas serta

realistik, di samping memberikan keseronokan kepada pembaca. Penggunaan unsur perbandingan juga dapat dilihat dalam novel Shahnnon bertajuk *Tunggul-tunggul Gerigis*. Penggunaan perbandingan yang asli dan cara terjemahannya dalam *Stumps* dapat dilihat dalam contoh berikut:

### **Contoh 12**

*Teks Sumber*

Su Usul tersepek di situ seperti kain buruk dapur terhenyak di celah pintu yang tak habis-habis dipijak dan dihenyak dan dilanyak hingga berkecai kecil-kecilan. (hlm. 54)

*Teks Terjemahan*

*Su Usul lies there like a rag under the kitchen door, endlessly trodden and trampled on and torn to shreds.* (hlm. 59)

### **Contoh 13**

*Teks Sumber*

Usul menjadi murung macam ayam disambar sampar. (hlm. 81)

*Teks Terjemahan*

*Usul begins to brood like a sick fowl.* (hlm. 94)

### **Contoh 14**

*Teks Sumber*

Kesepian menangkap masjid Poseng sebentar bagaikan malaikat minta jalan. (hlm. 105)

*Teks Terjemahan*

*Silence envelops the Poseng mosque for a while, as though angels were asking to*

*be let through.* (hlm. 123-24)

### **Contoh 15**

*Teks Sumber*

Pokok-pokok padi pun lonjak naik dengan cepat macam pucuk di rimba tojah langit. (hlm. 113)

*Teks Terjemahan*

*They shoot up like jungle trees reaching for the sky.* (hlm. 133)

### **Contoh 16**

*Teks Sumber*

“Apa usahanya?” tanya Cu Leman mendesak terus bagaikan ombak melanda tebing. (hlm. 133)

*Teks Terjemahan*

*“What efforts?” demands Cu Leman, persistent as waves beating against the shore.* (hlm. 157)

### **Contoh 17**

*Teks Sumber*

Budak-budak perempuan pula tersusun tegak di belakang para ibu; juga dalam telekung putih bagaikan nisan-nisan yang dibungkus kain putih. (hlm. 276).

*Teks Terjemahan*

*Behind them stand the girls; also in white prayer clothes, like tombstones wrapped in white cloth.* (hlm. 315).

Dapat dilihat daripada contoh tersebut bahawa penterjemah secara umumnya telah menghasilkan semula perbandingan yang terdapat dalam teks sumber (bahasa Melayu) dalam terjemahan (bahasa Inggeris) melalui pengekalan imej yang sama dengan menggunakan prosedur terjemahan literal, iaitu prosedur yang mengekalkan bentuk asal teks sumber. Penggunaan prosedur ini adakalanya menghasilkan perumpamaan yang agak ganjil dan asing dalam bahasa Inggeris, terutamanya yang melibatkan unsur kepercayaan seperti dalam Contoh 14. Namun, pengekalan imej yang sama dalam terjemahan dapat menonjolkan latar belakang yang terdapat dalam novel asal. Dari segi kesan pula, penterjemahan secara literal juga dapat menyampaikan makna yang terkandung dalam teks sumber dengan lebih jelas.

Selain penghasilan semula perbandingan yang terdapat dalam teks asal kepada bahasa sasaran, penterjemah juga menggunakan prosedur pengguguran unsur perbandingan. Hal ini dapat dilihat dalam Contoh 18 dan 19:

### **Contoh 18**

*Teks Sumber*

Ekornya tercinging naik macam tumang tengah arus. (hlm. 62)

*Teks Terjemahan*

*Its tail stuck up stiff in the air.* (hlm. 68)

### **Contoh 19**

*Teks Sumber*

Di luar, di tempat Cu Leman goyok leher Goh tadi, su sana gamat macam keling karam tongkang". (hlm. 223).

*Teks Terjemahan*

*Outside, where Cu Leman slaughtered Goh a while ago, there is a lot of noise and laughter.* (hlm. 257)

Dalam contoh tersebut, alat susastera yang digunakan dalam bentuk perbandingan, iaitu "macam tumang tengah arus" dan "macam keling karam tongkang" digugurkan

dalam teks terjemahan. Pengguguran alat susastera ini, walau bagaimanapun, tidak menjejaskan makna keseluruhan ayat yang terdapat dalam teks terjemahan. Maknanya masih jelas walaupun tanpa kehadiran unsur perbandingan dalam teks terjemahan.

#### 4. Aliterasi

Aliterasi dapat ditakrifkan sebagai “*the repetition of speech sounds in a sequence of nearby words*” (Abrams dan Harpham, 2012:10). Penggunaan alat susastera ini biasanya melibatkan pengulangan bunyi konsonan yang sama pada awal perkataan yang berturutan dalam satu ungkapan. Aliterasi biasanya digunakan untuk menimbulkan kesan yang tertentu dalam teks, hasil daripada pengulangan bunyi tersebut. Aliterasi mempunyai perkaitan rapat dengan perkara yang disebut oleh Jeffries (1998:43) sebagai *sound-symbolism*, iaitu keadaan bunyi yang dapat mendukung makna tertentu atau dikaitkan dengan maksud tertentu. Sebagai contoh, bunyi /b/ pada awal perkataan dalam bahasa Inggeris biasanya mempunyai perkaitan dengan perbuatan memukul dengan kuat, seperti yang dapat dilihat pada perkataan seperti *bash*, *beat* dan *boot*, manakala bunyi /kl/ pula sering dikaitkan dengan perbuatan memegang, seperti yang dapat dilihat dalam perkataan bahasa Inggeris *clench*, *clasp*, *clutch*, *cling* dan *clinch* (Jeffries, 1998:43). Contoh berikut menunjukkan penggunaan aliterasi dalam novel *Tunggul-tunggul Gerigis*, dan cara elemen aliterasi ini diterjemahkan.

#### Contoh 20

##### *Teks Sumber*

Juga medang ini. Ia juga sudah amat tua. Sudah amat renggeh. Sudah amat kering dan kerunyut dan keras. (hlm. 1)

##### *Teks Terjemahan*

*Also this medang tree. It has grown old. Has only a few leaves left. Has become dry and wrinkled and tough*. (hlm. 1)

### **Contoh 21**

#### *Teks Sumber*

Su Usul tersenyum. Kulit pipi dan dahinya keruncut lagi bila senyuman itu cuba meluaskan daerahnya sampai tertegang bibir-bibir atas bawah. Manis dan mesra. (hlm.1)

#### *Teks Terjemahan*

*Su Usul smiles. The wrinkles on his cheeks and brow deepen as the smile widens, stretching his lips to their full extent. Sweet and warm. (hlm. 2)*

### **Contoh 22**

#### *Teks Sumber*

Ada silat dari Paya Kerecut. Silat Petani, Usul. Manis dan cantik. Langkahnya lembut dan lunak. (hlm. 12)

#### *Teks Terjemahan*

*There's a martial art show from Paya Kerecut. Petani martial art, Usul. Charming and lovely. The steps are delicate and gentle. (hlm. 13)*

### **Contoh 23**

#### *Teks Sumber*

Kelunakan fikiran dalam suasana sinar matahari yang tegang lagi tajam itu tiba-tiba terhenyak putus. (hlm. 31)

#### *Teks Terjemahan*

*The tender reverie in the scorching heat comes to an abrupt end. (hlm. 35)*

Pengulangan bunyi konsonan dalam contoh tersebut jelas memberikan kesan yang tertentu dalam teks. Bunyi awalan /k/, misalnya mencerminkan sesuatu yang kasar.

Bunyi /l/ dan /m/ pula merupakan bunyi yang lembut, manakala bunyi /t/ pula mencerminkan sesuatu yang kuat dan kukuh. Dapat dilihat bahawa alat susastera dalam bentuk aliterasi tidak dapat dihasilkan semula dalam teks terjemahan. Penterjemah hanya dapat mengekalkan makna perkataan yang berkenaan sahaja tanpa mengekalkan bentuk asalnya. Walaupun makna teks sumber disampaikan dengan tepat dalam teks terjemahan, keunikan penggunaan alat susastera seperti yang terdapat dalam teks sumber tidak dapat dihasilkan semula dalam teks terjemahan.

## 5. Mainan kata

Mainan kata atau *wordplay* secara umumnya dapat ditakrifkan sebagai manipulasi terhadap bahasa untuk mencapai tujuan yang tertentu atau untuk menghasilkan kesan yang tertentu. Mainan kata biasanya melibatkan satu perkataan yang mempunyai beberapa makna yang berlainan atau beberapa perkataan yang berlainan yang mempunyai sebutan yang hampir sama (Abrams dan Harpham, 2012:325). Penggunaan mainan kata dan cara terjemahannya dapat dilihat dalam contoh berikut:

### Contoh 24

#### *Teks Sumber*

“... Sekarang ni khabarnya sudah merebak ke semua orang sepuluh. Tuk siak, tuk bilal, khatib semuanya dah masuk gelung dia. Kalau dah singgah di situ, macam pokok seruntunlah, Esah. Dia merayap dan membelit dan memintal dan memusar. Baik tak baik seluruh Poseng ini kena pasung.” (hlm. 43)

#### *Teks Terjemahan*

“...*Now I hear it has infected all ten of them. Tuk Siak the mosque caretaker, Tuk Bilal the chanter of the call to prayer, Khatib the reader of the sermon are all in his clique now. Once something gets there, it will be like the seruntun creeper, Esah. It will creep and twine and twist and circle. For all you know the whole of Poseng will be in its grip.*” (hlm. 48)

### Contoh 25

#### *Teks Sumber*

“Siapa nak buah?”

Su Usul ingat-ingat lupa detik kenduri entah di rumah siapa. Dan detik itu kini mengukir senyuman yang khusus di bibir tuanya yang kerunyut. Budak-budak menerpa mengerumuni yang memegang buah pelir kerbau. (hlm. 19)

*Teks Terjemahan*

*“Who wants fruits?”*

*Su Usul remembers a moment at a feast in someone’s house. The memory of that moment brings a special smile to his shrivelled old lips. It was a play on the word “fruits” (buah) which could also mean “testicles” in Malay. The boys crowded around the man who was holding up buffalo “fruits”. (hlm. 21)*

**Contoh 26**

*Teks Sumber*

“Orang betina mereka pun sama juga. Asyik bercakap fasal urat dan urat.” Kak Yon janda muda bekas isteri gemulah Yahud yang mencelah.

“Bukan urat Kak Yon. Aurat, aurat. Kalau urat lain ceritanya. Ada urat kecil, ada urat besar. Ada urat kendur, ada urat tegang,” mencelah pula Cu Leman. (hlm. 131-32)

*Teks Terjemahan*

*“Their women are just as bad. Always talking about veins, urat,” Kak Yon the late Yahud’s young widow, chips in.*

*“Not urat, Kak Yon, aurat. Not veins, but parts of themselves that must be covered with veils and what not. Veins would be a different story. There are puny veins and huge veins. There are flaccid veins and stiff veins,” Cu Leman cuts in. (hlm. 155)*

Dalam Contoh 24, penulis melakukan manipulasi terhadap nama Kampung Poseng untuk menghasilkan perkataan “pasung” yang bermaksud “dibelenggu”. Dengan kata lain, melalui mainan kata ini, penulis ingin menyampaikan maksud bahawa Poseng mungkin akan dibelenggu atau dipengaruhi oleh sesuatu. Jelas dapat

dilihat bahawa ungkapan “Poseng ini kena pasung” diterjemahkan menjadi *Poseng will be in its grip*. Alat susastera dalam bentuk mainan kata ini tidak dapat dikekalkan oleh penterjemah dalam terjemahannya. Penterjemah hanya dapat menyampaikan maksud ungkapan asal sahaja dalam terjemahan yang dihasilkan.

Dalam Contoh 25 pula, penulis memanipulasikan perkataan “buah”. Beliau menggunakan perkataan ini untuk merujuk dua makna, iaitu buah sebagai “hasil yang boleh dimakan daripada pokok” dan buah “pelir kerbau”. Sama juga seperti dalam contoh pertama, bentuk mainan kata dalam contoh kedua juga tidak dapat dikekalkan. Hal ini demikian kerana perkataan *fruits* dalam bahasa Inggeris hanya membawa satu makna sahaja iaitu “hasil yang boleh dimakan daripada pokok”. Oleh itu, penterjemah terpaksa menterjemah dengan memberikan penerangan, iaitu melalui maklumat tambahan “*It was a play on the word ‘fruits ‘buah’ ” which could also mean “testicles” in Malay*”, yang menerangkan bahawa perkataan *fruits* merupakan terjemahan literal bagi perkataan “buah” dan pada masa yang sama perkataan ini pula boleh juga merujuk “pelir kerbau”.

Dalam Contoh 26 pula, mainan kata dapat dilihat melalui penggunaan perkataan “urat” dan “aurat” yang mempunyai sebutan yang hampir sama. Oleh sebab terjemahan perkataan ini tidak akan menghasilkan perkataan yang sama sebutannya dalam bahasa Inggeris, penterjemah telah menggunakan prosedur peminjaman dan mengekalkan perkataan dalam bahasa Melayu dalam teks terjemahan dalam bahasa Inggeris. Selain itu, penterjemah juga memberikan maklumat tambahan kepada pembaca, iaitu melalui penambahan ayat “*Not veins, but parts of themselves that must be covered with veils and what not*”, yang menerangkan dalam bahasa Inggeris maksud perkataan bahasa Melayu “urat” (*veins*) dan “aurat” (*parts of themselves that must be covered with veils and what not*).

Jelasnya, kekangan bahasa menyebabkan penterjemah sukar untuk mengekalkan alat susastera dalam bentuk mainan kata dalam teks terjemahan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, pengguguran elemen mainan kata dalam teks terjemahan tidak menjejaskan makna yang ingin disampaikan. Jika elemen mainan kata ingin dikekalkan dalam teks terjemahan bahasa Inggeris, penterjemah terpaksa menyisipkan penerangan dalam teks supaya makna mainan kata tersebut jelas kepada pembaca.

## KESIMPULAN

Penterjemahan teks kesusasteraan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris merupakan satu aktiviti yang mencabar kerana penterjemah perlu mengambil kira penggunaan alat susastera dalam teks sumber yang berfungsi untuk membentuk

dan menonjolkan gaya penulis asal. Disebabkan faktor ini, penterjemahan teks kesusasteraan merupakan satu tugas yang memerlukan penterjemah yang benar-benar mahir dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi.

Penelitian makalah ini menunjukkan bahawa penterjemah menggunakan beberapa prosedur seperti terjemahan literal, generalisasi, peminjaman, adaptasi, pengguguran dan penerangan dalam usaha untuk menterjemahkan alat susastera yang terdapat dalam teks kesusasteraan Melayu ke dalam bahasa Inggeris. Penggunaan prosedur, terutamanya generalisasi dan pengguguran adakalanya menyebabkan kehilangan bentuk alat susastera yang terdapat dalam teks sumber. Kehilangan bentuk alat susastera ini berlaku bukan sahaja kerana kekangan bahasa tetapi juga kerana penterjemah mengutamakan penyampaian makna teks sumber kepada pembaca sasaran. Dalam hal ini, penyampaian makna diutamakan, jika dibandingkan dengan pengekalan alat susastera. Kehilangan seperti ini sememangnya tidak dapat dielakkan dalam penterjemahan teks kesusasteraan. Cabaran yang diketengahkan dalam makalah ini diharapkan dapat membantu penterjemah untuk menangani penterjemahan alat susastera dalam teks kesusasteraan Melayu secara lebih kreatif supaya kehilangan yang berlaku dalam proses penterjemahan dapat dikurangkan.

## RUJUKAN

- Abrams, M. H. dan Harpham, G. G., 2012. *A Glossary of Literary Terms*. Edisi ke-10. Boston: Wadsworth.
- A. Samad Said, 1992. *Salina*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said, 1975. *Salina*. Diterjemah oleh Harry Aveling. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal dalam bahasa Melayu).
- A. Samad Said, 1991. *Salina*. Diterjemah oleh Hawa Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal dalam bahasa Melayu).
- A. Samad Said, 2013. *Salina*. Diterjemah oleh Lalita Sinha. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia. (Teks asal dalam bahasa Melayu).
- Al-Quran Al-Karim Al-Haramain*, 2014. Shah Alam: Karya Bestari.
- Baldick, C., 2001. *The Concise Oxford Dictionary of Literary Terms*. Oxford: Oxford University Press.
- Boase-Beier, J., 2000. "Teaching Literary Translation" dlm. Classe, O. (ed.). *Encyclopedia of Literary Translation into English Jilid 2*. London: Fitzroy Dearborn.
- Boase-Beier, J., 2011. *A Critical Introduction to Translation Studies*. London: Continuum.
- Cambridge Dictionaries Online melalui <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/british> (Diakses pada 3 Mac 2015).
- Childs, P. dan Fowler, R., 2006. *The Routledge Dictionary of Literary Terms*. Oxon: Routledge.

- Delahunty, A., Dignen, S. dan Stock, S. (ed.), 2005. *The Oxford Dictionary of Allusions*. Oxford: Oxford University Press.
- Gray, M., 1992. *A Dictionary of Literary Terms*. Essex: Longman York Press.
- Harmon, W. dan Holman, C. H., 2000. *A Handbook to Literature*. Edisi Kelapan. New Jersey: Prentice Hall.
- Hayakawa, S. I., 1978. *Language in Thought and Action*. Edisi Keempat. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Jeffries, L., 1998. *Meaning in English: An Introduction to Language Study*. London: Macmillan.
- McRae, J. dan Findlay, B., 1998. "Varieties of English" dlm. P. France (ed.) *The Oxford Guide to Literature in English Translation*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohd. Ali Muda, 1972. *Ulasan Nobel Ranjau Sa-Panjang Jalan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Mohd. Yusof Hasan, 1984. "Kata-kata Daerah dalam Karya-karya Shahnnon Ahmad" dlm. Safian Husain, Mohd. Thani Ahmad dan Ahmad Kamal Abdullah (ed.) *Tanggapan: Pembicaraan Karya-karya Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad A. Quayum dan Rosli Talif, 1999. *Dictionary of Literary Terms*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Muhammad Noor Azam, 1971. *Rentong: Suatu Kajian untuk Peperiksaan SPM, SC dan MCE*. Melaka: Penerbitan Abbas Bandung.
- Newmark, P., 1988. *A Textbook of Translation*. New York: Prentice-Hall.
- Pedro, R. de, 2000. "Translation Loss" dlm. O. Classe (ed.). *Encyclopedia of Literary Translation into English Jilid 2*. London: Fitzroy Dearborn.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu melalui <http://prpm.dbp.gov.my> (Diakses pada 22 Februari 2015).
- Rahman Shaari, 1993. *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Savory, T., 1968. *The Art of Translation*. London: Jonathan Cape.
- Shahnnon Ahmad, 1972. *No Harvest but a Thorn*. Diterjemah oleh Adibah Amin. Kuala Lumpur: Oxford University Press. (Teks asal dalam bahasa Melayu).
- Shahnnon Ahmad, 1983. *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Shahnnon Ahmad, 1989. *Tunggul-tunggul Gerigis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad, 1993. *Stumps*. Diterjemah oleh Adibah Amin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal dalam bahasa Melayu).
- Toury, G., 2012. *Descriptive Translation Studies and Beyond*. Amsterdam: John Benjamins.
- Wittman, E. O., 2013. "Literary Narrative Prose and Translation Studies" dlm. C. Millán dan F. Bartrina (ed.). *The Routledge Handbook of Translation Studies*. London: Routledge.
- Yahya Ismail, 1971. *Sorotan dan Kajian Novel Ranjau Sa-Panjang Jalan*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Yahya Ismail, 1972. *Sorotan dan Kajian Novel Rentong*. Singapura: Pustaka Nasional.